

## Kawal kemasukan e-rokok

**SEREMBAN** - Kawalan pintu masuk di seluruh negara perlu dipertingkatkan bagi mengawal kemasukan produk bernikotin membabitkan rokok elektronik (e-rokok) atau vape.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad berkata, pihaknya meminta kerjasama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNHEP) untuk mengawal kemasukan produk berkenaan di sempadan negara.

"Pihak KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan dalam lambakan produk vape atau e-rokok ini, misalnya berbincang bersama FCTC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau) mengenai standard kawalan produk tersebut dalam negara," katanya selepas menghadiri Majlis Tilawah al-Quran Kementerian Kesihatan Peringkat Kebangsaan kali ke-30 di Galeri Diraja Tuanku Jaafar di sini semalam.

Sementara itu, Dr Dzulkifly berkata, Jawatankuasa Kerja Pakaar yang dipengerusikan oleh

 **KPDNHEP**  
*juga boleh  
membantu mainkan  
peranan dalam  
lambakan produk  
vape atau e-rokok  
ini." - Dzulkifly Ahmad*

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye bersama anggota penguatkuasa farmasi, FCTC dan KPDNHEP termasuk pakar kesihatan awam, respiratori, teknikal serta pakar penyelidik telah ditubuhkan bagi mengawal isu penggunaan vape.

Menurutnya, jawatankuasa berkenaan akan mencari langkah-langkah yang bersesuaian untuk menangani isu penggunaan vape dalam kalangan masyarakat termasuk pelajar.

Baru-baru ini, media melaporkan penggunaan vape menukar dalam kalangan pelajar bukan sahaja lelaki, malah pelajar perempuan juga terlibat dalam penggunaan rokok elektronik itu.